

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 PENGENALAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap pencapaian akademik dan gaya pembelajaran pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan Darul Khusus secara keseluruhan dan berdasarkan aliran pengajian, iaitu aliran pengajian kejuruteraan elektrik, aliran pengajian kejuruteraan jentera dan aliran pengajian kejuruteraan awam. Kajian ini juga bertujuan mengenalpasti tahap pencapaian pelajar-pelajar sekolah ini berdasarkan jantina. Di samping itu, kajian ini juga ingin melihat samada terdapat perkaitan/korelasi antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar-pelajar tingkatan empat aliran teknik Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Secara spesifik kajian ini menjawab soalan-soalan kajian berikut:

- 5.1.1 Apakah tahap pencapaian akademik pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan?
- 5.1.2 Apakah gaya pembelajaran pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan?
- 5.1.3 Adakah terdapat perbezaan pencapaian akademik di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat -Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Kuala Pilah berdasarkan jantina?

5.1.4 Adakah terdapat perbezaan pencapaian akademik di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Juasseeh, Kuala Pilah berdasarkan aliran pengajian?

5.1.5 Adakah terdapat perbezaan gaya pembelajaran di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Mengah Teknik Juasseeh, Kuala Pilah berdasarkan jantina?

5.1.6 Adakah terdapat perbezaan gaya pembelajaran di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Juasseeh, Kuala Pilah berdasarkan aliran pengajian?

5.1.7 Adakah terdapat korelasi/perkaitan antara pencapaian akademik dengan gaya pembelajaran pelajar?

## 5.2 Perbincangan

Dalam kajian ini, pencapaian akademik yang diambil kira ialah keputusan peperiksaan semester satu yang diadakan pada bulan Jun 1999 dan keputusan yang diambilkira sebagai pencapaian akademik adalah berdasarkan pada agregat yang diperolehi dalam peperiksaan tersebut. Pelajar-pelajar yang mendapat agregat kurang dari 20 dikategorikan sebagai pelajar-pelajar berpencapaian tinggi, manakala mereka yang mendapat agregat 21 hingga 30 dikategorikan sebagai pelajar-pelajar berpencapaian sederhana dan pelajar-pelajar yang mendapat agregat lebih dari 31 dikategorikan sebagai pelajar-pelajar berpencapaian rendah. Manakala gaya pembelajaran pula dikaji berdasarkan 22 elemen yang dikategorikan berdasarkan empat faktor ransangan iaitu persekitaran, emosi, sosiologikal dan fizikal. Semua 22 elemen yang berdasarkan empat faktor ransangan ini terkandung dalam 104 item

instrumen yang digunakan dalam kajian ini, iaitu *Learning Style Inventory Dunn, Dunn and Price (1985)* yang telah diterjemahkan di dalam Bahasa Melayu. Agihan item-item dalam *Learning Style Inventory* ini dapat dilihat dalam Lampiran C.

Dapatan-dapatan kajian ini dirumuskan seperti berikut:-

### **5.2.1 Tahap pencapaian akademik pelajar**

Kajian ini mendapati bahawa hanya 3.1 peratus pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Juasseeh adalah berpencapaian tinggi atau mendapat agregat kurang dari 20. Sejumlah 40.2 peratus pelajar-pelajar pula adalah berpencapaian sederhana atau mendapat agregat 21 hingga 30 manakala 56.7 peratus lagi adalah berpencapaian rendah atau mendapat agregat lebih dari 31. Ini bermakna, hampir semua pelajar tingkatan empat aliran teknik Sekolah Menengah Teknik Juasseeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan adalah berpencapaian sederhana dan rendah dalam peperiksaan semester satu mereka. Secara keseluruhannya, tahap pencapaian akademik pelajar-pelajar tingkatan empat dari aliran teknik, lelaki dan perempuan dari sekolah ini didapati tidak berbeza. Begitu juga dengan tahap pencapaian pelajar-pelajar dari aliran pengajian kejuruteraan elektrik, pengajian kejuruteraan jentera dan pengajian kejuruteraan awam didapati sama.

### **5.2.2. Gaya pembelajaran pelajar**

Melalui kajian ini juga didapati bahawa pelajar-pelajar tingkatan empat aliran teknik Sekolah Menengah Teknik Juasseeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan mengamalkan gaya pembelajaran yang pelbagai. Dapatan kajian ini menyokong

dapatkan kajian yang dijalankan oleh Robiah (1996) yang sampelnya juga terdiri dari pelajar-pelajar sekolah-sekolah menengah di Negeri Sembilan. Seterusnya, kajian ini mendapati bahawa tiada perbezaan di antara gaya pembelajaran pelajar-pelajar lelaki dan perempuan. Dapatkan ini pula menyokong dapatkan kajian yang dijalankan oleh Cavanagh (1981). Walau bagaimanapun, dapatkan ini bertentangan dengan dapatkan beberapa kajian seperti kajian yang dijalankan oleh Li et al. (1992) yang mendapati terdapat perbezaan yang signifikan gaya pembelajaran di kalangan pelajar-pelajar lelaki dan perempuan yang terdiri dari pelajar-pelajar pintar cerdas. Seterusnya, bagi gaya pembelajaran pelajar-pelajar dari pelbagai aliran pula, pengkaji mendapati bahawa gaya pembelajaran pelajar-pelajar dari aliran pengajian kejuruteraan elektrik, pengajian kejuruteraan jentera dan aliran pengajian kejuruteraan awam adalah sama dari aspek faktor rangsangan persekitaran, sosiologikal dan fizikal. Walau bagaimanapun, gaya pembelajaran mereka didapati berbeza dari aspek faktor rangsangan emosi. Skor min yang diperolehi menunjukkan kecenderungan gaya pembelajaran di kalangan pelajar-pelajar aliran teknik Sekolah Menengah Teknik Juasseh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan dipengaruhi oleh keempat-empat faktor rangsangan. Walau bagaimanapun, perbezaan skor min dari dapatkan kajian ini menunjukkan kecenderungan belajar pelajar-pelajar sekolah ini paling dipengaruhi oleh faktor sosiologikal. Dapatkan kajian ini juga menunjukkan bahawa gaya pembelajaran pelajar-pelajar tingkatan empat lelaki dan perempuan adalah sama. Pelajar-pelajar dari aliran pengajian kejuruteraan elektrik, pengajian kejuruteraan jentera dan pengajian kejuruteraan awam pula menunjukkan kecenderungan belajar

yang sama bagi rangsangan-rangsangan sosiologikal, fizikal dan persekitaran, tetapi menunjukkan perbezaan yang signifikan bagi rangsangan emosi.

### **5.2.3. Korelasi/Perkaitan di antara pencapaian akademik dengan gaya pembelajaran**

Kajian ini juga mendapati bahawa tidak terdapat korelasi di antara pencapaian akademik dengan gaya pembelajaran. Dapatan ini adalah bertentangan dengan beberapa kajian yang dijalankan sebelum ini, misalnya yang dijalankan oleh Dunn (1978), Dunn (1980), Pizzo (1981), Lynch (1981), Tannenbaum (1982) dan Griggs (1991) yang menunjukkan bahawa padanan persekitaran pembelajaran dengan gaya pembelajaran pelajar telah meningkatkan pencapaian akademik. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini yang menunjukkan tidak terdapat korelasi di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik, menyokong dapatan kajian yang dijalankan oleh Wallace (1992), Orr (1993), Busato et al. (1995), Melara (1996), dan Howie (1996).

## **5.3. Implikasi / Dapatan Kajian**

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pencapaian pelajar-pelajar tingkatan empat aliran teknik Sekolah Menengah Teknik Juasseeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan adalah di tahap sederhana. Penelitian terhadap keputusan peperiksaan semester 1 tingkatan empat yang diperolehi oleh pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah ini menunjukkan bahawa hanya 3 orang pelajar (3.1%) sahaja yang mendapat agregat kurang dari 20 dan jika dilihat, jumlah ini, adalah terlalu sedikit. Dapatan kajian ini

menunjukkan bahawa paling ramai pelajar tergolong sebagai pelajar berpencapaian sederhana dan rendah dengan bilangan agregat yang mereka perolehi hanya melayakkan mereka mendapat gred 2, 3 dan Sijil Am Pelajaran. Perkara ini perlu diambil perhatian oleh pihak sekolah agar mengatur rancangan yang lebih mantap dalam usaha meningkatkan tahap pencapaian pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah ini. Dapatan kajian ini hanya menunjukkan tahap pencapaian akademik pelajar dan pengkaji tidak cuba meninjau faktor-faktor yang dapat dikenalpasti sebagai penggalak atau pendorong kepada pelajar-pelajar untuk memperolehi tahap pencapaian akademik yang cemerlang. Oleh itu, tidak dapatlah hendak dinyatakan secara jelas dan tepat di sini penentu keadaan tahap pencapaian yang sederhana di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat aliran Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Walau bagaimana pun, pengkaji mengandaikan bahawa tahap pencapaian yang sederhana ini ada kemungkinan disebabkan oleh keadaan mereka yang baru berada dalam satu tahap dan suasana pembelajaran yang baru di mana kurikulum serta sistem penilaian yang mereka tempohi juga adalah berbeza dari apa yang pernah dialami semasa mereka berada dalam tingkatan tiga. Ringkasnya, mereka sedang mengalami transisi dari sistem penilaian yang lebih bercorak objektif kepada yang lebih bercorak subjektif. Mungkin guru-guru juga perlu mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk membantu pelajar-pelajar ini membiasakan diri dengan keadaan di mana mereka berada sekarang. Malah, banyak yang perlu dilakukan untuk memastikan tahap pencapaian pelajar-pelajar ini boleh dipertingkatkan ke tahap yang lebih memuaskan.

Bagi aspek gaya pembelajaran pula, kajian ini mendapati bahawa gaya pembelajaran pelajar-pelajar tingkatan empat aliran teknik di Sekolah Menengah Teknik Juasseeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan adalah pelbagai berdasarkan kecenderungan rangsangan-rangsangan persekitaran, emosi, sosiologikal dan fizikal. Walau bagaimanapun, mereka didapati lebih dipengaruhi oleh faktor rangsangan sosiologikal yang terdiri dari elemen-elemen belajar sendiri atau belajar dengan rakan sebaya, perlunya kehadiran autoriti semasa belajar dan belajar dengan pelbagai cara. Malah, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa mereka paling cenderung belajar dengan berbagai-bagai cara. Pengetahuan ini adalah berguna kepada guru agar dapat menyediakan suasana pengajaran-pembelajaran yang tidak membosankan pelajar. Seterusnya, kajian ini juga mendapati bahawa gaya pembelajaran bagi pelajar-pelajar dari aliran pengajian kejuruteraan elektrik, kejuruteraan jentera dan kejuruteraan awam adalah sama bagi rangsangan persekitaran, sosiologikal dan fizikal tetapi berbeza dari aspek rangsangan emosi. Ini bererti pelajar-pelajar ini mempunyai motivasi kendiri, ketekunan, tanggungjawab dan keperluan pada struktur. Kefahaman guru terhadap kecenderungan belajar pelajar berdasarkan elemen-elemen yang berbeza-beza ini dapat membantu guru lebih memahami diri pelajar itu sendiri dan sekaligus menyediakan keperluan-keperluan yang sejajar dengan kehendak pembelajaran pelajar.

Akhir sekali, dapatan kajian ini yang menunjukkan tiadanya korelasi/perkaitan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik jelas bertentangan dengan banyak dapatan-dapatan kajian lain yang menyatakan bahawa pelajar yang mengalami pengajaran yang dipadankan dengan gaya pembelajaran berjaya

memperolehi markah yang lebih tinggi berbanding dengan mereka yang mengalami pengajaran yang tidak dipadankan dengan gaya pembelajaran (Dunn, 1978; Dunn et al., 1980). Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini yang menunjukkan tiadanya korelasi antara gaya pembelajaran dan pencapaian akademik adalah satu petanda bahawa berkemungkinan tahap pencapaian akademik pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan ini dipengaruhi oleh faktor-faktor lain yang tidak dikaji dalam kajian ini. Perkara ini telah dijelaskan dalam banyak kajian-kajian lepas yang menunjukkan bahawa faktor-faktor lain seperti suasana bilik darjah, latihan *inservice* guru, penglibatan keluarga/ibubapa (Ford, 1994), gaya pengajaran guru (Bank, 1991), pendapatan keluarga , kehadiran ibu/bapa (Lynn, et al., 1992), persediaan guru dan saiz kelas (Amos & Moody, 1981; Ashton, et al., 1986; Child & Shakeshaft, 1987; Summers & Wolfe, 1975) turut mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

#### **5.4. Cadangan-Cadangan**

Berdasarkan dapatan-dapatan kajian ini, cadangan-cadangan berikut dikemukakan kepada pihak-pihak berikut:-

##### **5.4.1. Sekolah**

Berdasarkan dapatan kajian berkaitan dengan pencapaian akademik pelajar yang sederhana, pihak sekolah disarankan agar merancang strategi yang dapat memanfaatkan pembelajaran pelajar. Oleh kerana kajian ini hanya meninjau tahap pencapaian akademik pelajar dan tidak cuba mengenalpasti faktor-faktor yang

menjurus ke arah pencapaian akademik yang cemerlang di kalangan pelajar, pengkaji menyeru agar guru-guru mengambil langkah untuk mengkaji dan mengesan keperluan-keperluan pelajar dan di antara langkah yang boleh diambil ke arah ini ialah dengan menjalankan kajian tindakan kerana inilah satu daripada cara yang berkesan untuk mengesan kelemahan/kekuatan amalan pengajaran guru dengan mengenalpasti faktor-faktor yang dapat membantu meningkatkan amalan pengajaran guru dan sekaligus mempertingkatkan tahap pencapaian pelajar. Di sini, pengkaji hanya menjana kemungkinan tentang faktor amalan pengajaran sebagai faktor yang dapat meningkatkan pencapaian pelajar. Ada kemungkinan faktor-faktor lain yang membawa pada keadaan ini. Oleh kerana itulah, pengkaji menyarankan agar guru-guru jadikan budaya mengkaji sebagai budaya kerja yang dapat meningkatkan proses pengajaran pembelajaran secara keseluruhannya, dan tahap pencapaian akademik pelajar, secara khusus. Dapatkan kajian yang mereka perolehi kelak, akan dapat dijadikan bahan untuk direnungkan untuk mencapai kecemerlangan.

Pihak sekolah pula, dengan kerjasama guru dan ibu bapa perlu mengorak langkah mengatur rancangan-rancangan yang berguna untuk keperluan pelajar dari semua aspek, khususnya dalam usaha meningkatkan tahap pencapaian akademik pelajar. Di antara rancangan yang boleh diatur oleh pihak sekolah ialah dengan mengadakan kelas-kelas tambahan dan perkara ini boleh dilaksanakan dengan jayanya sekiranya mendapat kerjasama dari guru, pelajar dan ibubapa. Walau bagaimana pun, ini hanyalah sebagai contoh, kerana, sebagaimana yang disarankan terlebih awal, langkah-langkah yang patut dilaksanakan adalah bergantung pada keperluan pelajar, dan melalui sesi percambahan fikiran yang diadakan oleh pihak

sekolah di antara pihak-pihak berkenaan, kemungkinan besar pihak sekolah dapat mengesan langkah-langkah yang perlu diambil untuk meningkatkan tahap pencapaian akademik pelajar-pelajar.

#### **5.4.2. Jabatan Pendidikan**

Jabatan Pendidikan pula perlu peka dengan keperluan sekolah, amnya dan keperluan guru dan pelajar, khasnya. Memandangkan pelajar merupakan pelanggan utama dalam proses pendidikan, sudah semestinya keperluan mereka yang perlu diberi keutamaan dan cara terbaik untuk mengenalpasti keperluan mereka ini adalah dengan menjalankan kajian dari masa ke semasa agar keperluan mereka tidak diabaikan. Untuk itu, budaya menjalankan kajian yang perlu bermula di peringkat Jabatan, perlu disemai dan dipupuk di kalangan guru-guru sekolah yang merupakan orang yang paling banyak bersama pelajar selepas ibu bapa mereka. Kemahiran menjalankan kajian ini perlu disebarluaskan di kalangan guru-guru sekolah agar kebiasaan ini dapat membantu mereka dalam memahami keperluan-keperluan pelajar. Tambahan pula, dapatan kajian ini yang menunjukkan tahap pencapaian akademik pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Juasseeh yang menunjukkan tahap sederhana, memerlukan tindakan yang membina dan segera agar keperluan-keperluan pelajar-pelajar di sekolah ini dapat dikesan dan dipenuhi. Oleh kerana kajian ini menunjukkan bahawa tiada korelasi di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik, ini bererti faktor-faktor lain yang memainkan peranan yang lebih utama dan faktor-faktor ini perlu dikaji.

#### 5.4.3. Kementerian Pendidikan

Penggerak utama ke arah melancar dan menjayakan semua program pendidikan ialah Kementerian Pendidikan dan hanya dengan peruntukan yang mencukupi sahaja, segala rangcangan dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Oleh itu, pihak Kementerian perlulah perihatn terhadap segala keperluan organisasi pendidikannya. Kementerian Pendidikan perlu menjadikan budaya menjalankan kajian sebagai kebiasaan di kalangan pegawai-pegawaiannya dan menyibarkan pengetahuan serta kemahiran membuat kajian di kalangan guru-guru sekolah agar keperluan pelajar-pelajar dapat dikenalpasti dan mereka dapat dibantu mengikut keperluan-keperluan yang menjadi tumpuan perhatian dari masa kesemasa. Di antara keperluan itu, seperti yang dikenalpasti dalam kajian ini adalah keperluan pencapaian dalam bidang akademik, yang sememangnya menjadi perhatian oleh semua pihak.

#### 5.5. Penutup

Dapatan kajian ini jelas menunjukkan beberapa perkara tentang pencapaian akademik dan gaya pembelajaran pelajar-pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Teknik Juasgeh. Oleh kerana dapatan kajian ini menunjukkan tiada korelasi antara pencapaian akademik dengan gaya pembelajaran, ini menjadi petanda kepada semua pihak yang terlibat agar mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dan segera untuk mengesan faktor-faktor lain yang menjadi keperluan pelajar demi membolehkan mereka mencapai tahap kecemerlangan yang membanggakan. Tambahan pula, dalam kajian ini sampel yang diambilkira hanyalah terdiri dari

pelajar-pelajar tingkatan empat aliran teknik, dan tidak mengambil kira pelajar-pelajar dari aliran vokasional. Dengan itu, langkah selanjutnya boleh diambil untuk mengenalpasti gaya pembelajaran dan juga faktor-faktor yang menentukan tahap pencapaian akademik pelajar-pelajar secara keseluruhannya dengan harapan pelajar-pelajar ini dapat dibantu ke arah tahap yang lebih cemerlang.